



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

10 MAC 2014

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) BERHUBUNG PENGAUDITAN JABATAN AUDIT NEGARA TERHADAP SYARIKAT 1MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB).

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia menyambut baik kenyataan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang hari ini, berhubung tindakan pengauditan yang sudah dilaksanakan Jabatan Audit Negara (JAN) terhadap syarikat milik sepenuhnya Kementerian Kewangan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bermula sejak 2009 sebaik mendapat arahan Kabinet minggu lalu.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed, berkata beliau menaruh kepercayaan sepenuhnya terhadap kewibawaan, keupayaan dan kredibiliti JAN di bawah pimpinan Ambrin untuk melakukan pengauditan terhadap syarikat 1MDB secara berkecuali, telus dan bertanggungjawab.

Pada masa katanya, beliau juga mahu semua rakyat Malaysia terutama sekali ahli politik supaya menghentikan sebarang konflik dalam pengauditan JAN terhadap 1MDB dengan memberikan cadangan dan pandangan mengenai cara atau kaedah untuk jabatan berkenaan melaksanakan audit.

“JAN perlu diberikan ruang secukupnya bagi melaksanakan audit terhadap 1MDB dan ia perlu dilakukan tanpa sebarang rasa takut atau ada campur tangan daripada mana-mana pihak,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Nur Jazlan berkata, berikutan terlalu banyak andaian dan maklumat yang disebarluaskan mengenai akaun 1MDB di media sosial, portal berita dan blog adalah lebih baik supaya semua pihak berkepentingan supaya bersabar dan menunggu kesahihan hasil pengauditan daripada JAN.

Beliau berkata, penting untuk JAN menjalankan pengauditan secara tidak tergesa-gesa dalam memastikan setiap sudut dan ruang lingkup akaun, operasi dan pelaburan 1MDB diaudit dengan teliti.

“PAC juga akan mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebaik menerima laporan daripada JAN sekiranya wujud penyelewengan yang boleh didakwa mengikut undang-undang SPMR,” katanya.